

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Perbezaan TDC antara ECRL 1.0, 3.0 hasil penjimatan

Perbezaan TDC antara ECRL 1.0, 3.0 hasil penjimatan

Putrajaya: Penjimatan RM11.01 bilion bagi projek Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), yang diumumkan oleh Perdana Menteri, kelmarin, membabitkan perbandingan Kos Pembangunan Keseluruhan (TDC) antara projek itu yang dilancarkan pada 2017 (ECRL 1.0) dan projek yang sedang berjalan pada masa ini (ECRL 3.0).

Kementerian Pengangkutan memaklumkan, TDC untuk ECRL 1.0 adalah berjumlah RM85.97 bilion merangkumi kos pembinaan sebanyak RM66.78 bilion dan kos pembangunan lain seperti Faedah Semasa Pembinaan (IDC), pengambilan tanah, pemindahan utiliti dan yuran sambungan dan perbelanjaan mengurus, berjumlah RM19.19 bilion.

Dalam satu kenyataan, Kementerian itu memaklumkan, TDC untuk ECRL 3.0, yang sedang dalam pembinaan kini dianggarkan berjumlah RM74.96 bilion, mem-



babitkan kos pembinaan yang jauh lebih rendah, iaitu sebanyak RM50.27 bilion, manakala kos pembangunan lain seperti IDC, pengambilan tanah, pemindahan utiliti dan yuran sambungan dan perbelanjaan mengurus, berjumlah RM24.69 bilion.

"Justeru, perbezaan TDC antara ECRL 1.0 dan ECRL 3.0 menghasilkan penjimatan sebanyak RM11.01 bilion seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, semalam (kelmarin)," katanya.

Kementerian Pengangkutan memaklumkan, kos pembinaan ECRL 3.0 yang lebih rendah itu dicapai melalui beberapa siri

rundingan semula kontrak ECRL, yang dimuktamadkan pada 2019 dan 2022.

Beberapa faktor, termasuk pelaksanaan Kejuruteraan Nilai (VM), yang menyeluruh dan penajajaran semula landasan ECRL pada Seksyen C (Temerloh-Serendah Pelabuhan Klang), menyumbang kepada pengurangan kos pembinaan keseluruhan projek berkenaan.

Berikutan itu, Kementerian itu memaklumkan, dengan kos pembinaan sebanyak RM50.27 bilion, rakyat Malaysia kini menikmati Projek ECRL yang ditingkatkan nilainya bagi perkhidmatan penumpang dan kargo.

Ia merangkumi pembinaan rel sepanjang 665 kilometer (km) dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang, pembinaan sebanyak 20 stesen, pembinaan Serendah Bypass yang melancarkan pergerakan kargo dari utara serta pemanjangan rel dari Stesen Jalan Kastam ke kedua-dua termi-

nal Westport dan Northport.

Perjanjian Tambahan 6 kekal

Sementara itu, bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menjelaskan, Perjanjian Tambahan 6 (SA6) bagi projek ECRL ditandatangani pada 2 Jun lalu bagi membolehkan projek itu diteruskan dengan kos RM50.27 bilion.

Beliau berkata, perjanjian itu membabitkan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC).

Katanya, RM50.27 bilion adalah kos akhir yang dimuktamadkan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta disahkan Kabinet awal tahun ini.

Menerusi hantaran di Facebook, Ka Siong, yang juga Presiden MCA menyifatkan komitmen kerajaan untuk meneruskan

ECRL sebagai berita positif kepada pelabur dan rakyat, khususnya bakal pengguna.

Ketika ini, katanya, kemajuan projek adalah kira-kira 37 peratus dan ia harap dapat disiapkan mengikut jadual, iaitu pada Disember 2026, seterusnya memulakan operasi pada awal 2027.

Beliau bagaimanapun, tidak dapat mengesahkan kos ECRL pada 2016 yang disebut Perdana Menteri, namun mengesahkan skop kerja terlibat pada masa itu berbeza daripada jajaran sedia ada ketika ini, dengan pengurangan ketara dari segi skop kerja pembinaan walaupun kadar kos seunit kekal sama.

Selain bilangan stesen yang dikurangkan, katanya, kerja penambahan tanah pesisir pantai turut dihentikan pada 2019, manakala hentian terakhir bagi ECRL yang diputuskan adalah Kota Bharu, bukannya Pengkalan Kubor.